

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Bersama ini dilampirkan maklumat **iklan jawatan kosong Guru Bahasa Korea (Gred DG 41 - Kontrak) di Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa, UPM** seperti butiran berikut:

1.	(a) Jawatan	:	GURU BAHASA (GRED DG41) - KONTRAK
	(b) Nama Pusat Tanggungjawab	:	Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa, UPM
	(c) Kumpulan Perkhidmatan	:	Perkhidmatan Pendidikan
	(d) Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pengurusan dan Professional
2.	Jadual Gaji	:	Minimum RM 2,188.00 Maksimum RM 9,522.00
3.	Taraf Jawatan	:	Kontrak
4.	<u>Syarat Lantikan</u>		
	Calon bagi lantikan ke Guru Bahasa (Gred DG41) hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :- (i) Calon-calun adalah terbuka kepada warganegara Malaysia; (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; (iii) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pendidikan/pengajaran Bahasa Korea atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau <u>Syarat Kelayakan Bahasa Melayu</u> Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.		
5.	Penaklukan di bawah syarat-syarat skim perkhidmatan	:	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

6.	Fungsi bidang tugas	:	Bertanggungjawab memberi syarahan, tutorial, kerja kursus, menyediakan nota-nota kuliah, mengendalikan urusan peperiksaan, mengawasi kerja-kerja latihan praktik/aktiviti pelajar, membantu menyemak/ menyediakan kurikulum/silibus, melibatkan diri dalam aktiviti kemahiran bahasa dan menjalankan usaha-usaha pembangunan pelajar
7.	Tarikh tutup permohonan	:	26 Julai 2024 (Jumaat)

CARA MEMOHON:

Permohonan hendaklah dibuat di atas Borang Permohonan Jawatan Kumpulan Pengurusan dan Professional (Kod Dokumen: SOK/BUM/BR03/JAWATAN 01) yang boleh dicapai di laman sesawang kami, <https://calc.upm.edu.my/> atau boleh dicapai menerusi pautan berikut; [20240614151520Borang_permohonan_jawatan Guru Bahasa.pdf](https://calc.upm.edu.my/20240614151520Borang_permohonan_jawatan_Guru_Bahasa.pdf) ([upm.edu.my](https://calc.upm.edu.my/))

Borang permohonan yang telah lengkap berserta sijil yang telah disahkan hendaklah dihantar ke :

PENOLONG PENDAFTAR KANAN

PEJABAT PENTADBIRAN, ARAS 1

PUSAT PEMAJUAN KOMPETENSI BAHASA (CALC)

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

43400 UPM SERDANG

SELANGOR

Terima kasih.